



TEKS UCAPAN PERASMIAN

“Ke Arah Pemerkasaan Agropreneur Muda”

SEMPENA

PROGRAM EMPOWERMENT @ AGROPRENEUR MUDA 2021

PADA

19 OGOS 2021 (KHAMIS)

DI

BILIK SIDANG MEDIA

ARAS 7, BLOK 4G1, WISMA TANI

PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua.

1. Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.
2. Apa khabar semua? Saya berharap saudara-saudari berada dalam keadaan sihat sejahtera. Saya berasa sangat gembira dapat bersua dengan anak-anak muda pewaris sektor pertanian negara, walaupun secara online.
3. Pertama sekali, saya ingin menghulurkan penghargaan saya kepada semua yang dapat hadir pada hari ini melalui sesi webinar ini dan yang menonton secara langsung melalui FB Live MAFI dan UAM.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Daripada 14.6 juta belia di Malaysia, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian. Tambahan pula, kajian menunjukkan hanya 4 peratus pelajar di universiti yang akan mempertimbangkan kerjaya dalam bidang pertanian.
5. Kesemua data ini menunjukkan bahawa persepsi para belia kepada sektor pertanian perlu diperbaiki lagi. Disebabkan itu, Kementerian ini perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meremajakan sektor pertanian.

6. Bagi merealisasikan perkara ini, Kementerian akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dalam masa terdekat. Dasar ini akan merupakan dasar jangka masa panjang bagi tempoh 2021 hingga 2030, yang akan menjadi panduan kepada rangka kerja di Kementerian dan pelaksanaan di peringkat Jabatan dan Agensi.

Program Agropreneur Muda

Saudara-saudari yang saya hormati,

7. Program Agropreneur Muda merupakan program khas di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang khusus untuk menggalakkan penglibatan golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun dalam bidang pertanian. Program ini merangkumi semua rantaian nilai dalam sektor pertanian iaitu tanaman, ternakan, perikanan dan industri makanan.
8. Sehingga kini, Kementerian telah membantu **7,406 orang** melibatkan jumlah peruntukan sebanyak **RM131.8 juta** melalui bantuan geran.
9. Pada tahun lalu, Kementerian telah berjaya **meningkatkan penglibatan golongan muda** apabila seramai **1,149 orang** menerima bantuan geran bernilai **RM21.7 juta** berbanding **750 orang pada tahun 2019 dan 785 orang pada tahun 2018**.
10. Peningkatan ini disebabkan penambahbaikan yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian iaitu:
 - i. **Membuka permohonan geran sepanjang tahun tanpa tarikh tutup;**

- ii. **Mengurangkan birokrasi dalam rantaian permohonan; dan**
- iii. **Meningkatkan promosi melalui media arus perdana dan media sosial.**

Geran Agropreneur Muda 2021

Saudara-saudari,

11. Menyedari tentang betapa pentingnya sektor pertanian terutamanya ketika negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19, Geran Agropreneur Muda menjadi satu pilihan penting bagi membantu anak-anak muda memulakan projek pertanian. Pada tahun ini, **RM15 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 750 orang** agropreneur muda untuk mendapat bantuan.
12. Sehingga **Julai 2021**, seramai **498 orang** telah diluluskan permohonannya oleh pihak Kementerian dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM9.9 juta**. Daripada jumlah tersebut, ianya dijangka dapat menyumbangkan **RM29.8 juta** kepada negara melalui ***economic spin-off***. Jangkaan ini berdasarkan sasaran Kementerian untuk melahirkan agropreneur muda berpendapatan **sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan** selepas menerima bantuan geran ini.
13. Dalam masa yang sama, Kementerian menjangkakan agropreneur muda ini dapat membantu ekonomi setempat melalui konsep ***community-driven economy***. Saya mengambil contoh, seorang penanam cili yang menerima bantuan geran sudah tentu akan menggaji pekerja bagi membantunya untuk meningkatkan pengeluaran hasil ladang. Begitu juga dengan seorang usahawan

bakeri, sudah pasti akan menggaji pekerja untuk meningkatkan pengeluaran kek atau pastri. Ini bermaksud **peluang-peluang pekerjaan juga akan dicipta** melalui perniagaan yang dijalankan oleh mereka.

14. Bukan itu sahaja, kesan ***economic multiplier*** juga pasti berlaku. Ini disebabkan penerima geran ini pastinya memerlukan bekalan input-input pertanian dan bahan mentah serta penambahbaikan infrastruktur. Sudah tentu, faktor permintaan ekonomi ini akan membantu sektor-sektor pembekalan yang lain. Kementerian menjangkakan **kesan penggandaan bernilai RM89.4 juta** melalui bantuan geran yang diberikan pada hari ini.

PENGUMUMAN

Saudara-saudari yang dikasihi,

15. Kami di Kementerian mendapat banyak permintaan daripada **anak-anak muda yang baru ingin menceburi bidang pertanian dan agromakanan ini.**
16. Justeru, sebagai Kementerian yang prihatin, saya ingin memaklumkan bahawa mulai hari ini, **permohonan Geran Agropreneur Muda dibuka kepada golongan muda yang betul-betul baru atau belum pernah menjalankan projek pertanian.** Ianya **tertakluk kepada syarat-syarat** yang akan dikemukakan nanti antaranya perlu menghadiri kursus-kursus teknikal yang ditetapkan dan sebagainya.

17. Saya berharap dengan kaedah ini, lebih ramai anak-anak muda terutama mereka yang betul-betul berminat dan memenuhi syarat dapat dibantu.

PENUTUP

Saudara-saudari,

18. Kementerian akan meneruskan semua inisiatif-inisiatif yang telah dirancang untuk membantu rakyat di luar sana. Suka saya tekankan, peranan kita sebagai Kementerian serta semua Jabatan dan Agensi adalah amat besar sebagai jentera untuk menggerakkan sektor pertanian negara.

19. Sehubungan itu, kepada penerima-penerima geran yang hadir pada hari ini, tahniah saya ucapkan. Semoga dengan bantuan ini, saudara-saudari dapat terus menyumbang kepada sektor pertanian.

20. Maka dengan itu, dengan lafaz *bismillah*, saya merasmikan program kita pada hari ini.

Sekian, terima kasih.
